

UTHM perlu lahir modal insan minda kelas pertama

dn 5/9/07

BATU PAHAT 4 Sept. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan dengan minda kelas pertama.

Penerima Ijazah Kehormat Doktor Fal-safah (Pengurusan Teknologi) UTHM, Ketua Eksekutif JCop, Tan Sri Muhammad Ali Hashim, berkata, modal insan adalah aset penting bagi negara dalam mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi maju, makmur dan kompetitif.

"Membangun modal insan dengan min-da kelas pertama merupakan agenda penting negara dan perlu didukung oleh UTHM sebaik mungkin," jelasnya ketika menyampaikan ucapan selepas menerima

anugerah kehormat pada Konvokesyen UTHM Ke-6, dekat sini.

Beliau yakin dengan adanya sumber manusia berkualiti yang menjadi nadi penggerak kepada kemajuan universiti, berserta program dan sistem akademik yang berteraskan kehendak pasaran dan perkembangan global, agenda negara pasti berjaya dengan cemerlang oleh UT-HM.

Tambahnya penekanan kepada pem-bentukan aspek insaniah di kalangan pela-jar amat wajar diberi penekanan, kerana negara bukan hanya memerlukan para profesional dan teknokrat yang mahir da-lam bidang masing-masing tetapi juga menghayati nilai, etika dan budaya ber-kualiti yang holistik.

"Salah satu elemen penting yang perlu diberi penekanan oleh pihak universiti ialah pembentukan budaya keusahawanan di kalangan pelajar," ujarnya.

Tambahnya, elemen keusahawanan se-wajarnya diberi penekanan dalam pro-gram akademik dan kemahiran insaniah di universiti kerana dalam persaingan dunia kerjaya di era globalisasi masa kini, komponen keusahawanan amat berguna bagi seseorang profesional dan teknokrat lepa-san universiti.

Ini kerana, katanya, nilai tambah bidang keusahawanan ini akan membantu lepa-san universiti untuk lebih bersikap berdi-kari dan berdaya saing tinggi dan tidak hanya bergantung kepada budaya makan gaji semata-mata.

Beliau menambah, universiti seharusnya menyediakan model program keusahawan-an yang kukuh dan berjaya untuk menjad-i rujukan amali kepada para pelajar bi-dang keusahawanan.

Katanya lagi, warga kerja sesebuah uni-versiti adalah nadi penting kepada kema-juan universiti selain dari sistem penguru-san dan pentadbiran yang berkesan, modal manusia yang berkualiti adalah di antara unsur yang terpenting dalam sesebuah organisasi.

Justeru, tambahnya, penghayatan bu-daya profesionalisma dan berintegriti seharusnya menjadi nilai teras dalam kehidupan berorganisasi serta perlu di-tingkatkan secara berterusan dan berke-san.